UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia
Jabatan Bendahari *Bursar's Office*

Rujukan: UKM 3.1/224/8 Jld.XI
Tarikh : 16 November 2011

PEKELILING BENDAHARI BIL. 13/2011

Dekan/Pengarah/Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Bahagian/Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

TARIKH AKHIR MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN PESANAN RASMI (BPPR) DAN INBOIS TAHUN 2011 BAGI TUJUAN PENUTUPAN AKAUN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Universiti perlu membuat penutupan akaun bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Bagi membolehkan penutupan akaun tersebut berjalan dengan lancar, semua Pusat Tanggungjawab diminta mengikuti jadual berkaitan urusan perolehan dan bayaran bil-bil tahun 2011 seperti berikut:-

Bil	Perkara	Tarikh Akhir
1	Tarikh akhir terima Borang Permohonan Pesanan Rasmi (BPPR) oleh Jabatan Bendahari atau Pusat Tanggungjawab	**16 Disember 2011**
2	Tarikh akhir terima semua bil atau inbois oleh Jabatan Bendahari untuk pembayaran dengan menggunakan peruntukan tahun 2011	**23 Disember 2011**
3	Kerja-kerja penyelenggaraan data dan sistem (Sistem Kewangan Universiti) oleh Pusat Teknologi Maklumat	**24-31 Disember 2011**

2. Bagi Pusat Tanggungjawab yang tidak dapat menghabiskan atau melengkapkan pembelian peralatan di bawah peruntukan mengurus tahun 2011, peruntukan berkenaan dianggap luput dan tidak boleh di bawa ke tahun hadapan.

Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Telefon: **+603-8921 3000/5148** Faksimili: **+603-8925 3085** E-mel: **bndahari@ukm.my**
Laman Web: **http://www.ukm.my/bendahari**

3. Bagi bil atau inbois tahun 2011 yang tidak dikemukakan sebelum atau pada **23 Disember 2011** akan dibayar menggunakan peruntukan tahun 2012.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan di Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian/Unit Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Yang benar,

MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k: Naib Canselor, UKM

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.

Pendaftar, UKM

Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Telefon: **+603-8921 3000/5148** Faksimili: **+603-8925 3085** E-mel: **bndahari@ukm.my**
Laman Web: **http://www.ukm.my/bendahari**